

Amalan tradisi sambut Ramadan di Riau



SEKUMPULAN 15 mahasiswa Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) teruja melihat masyarakat di Pelalawan, Riau, Indonesia yang masih mengamalkan adat dan budaya turun-temurun apabila menyambut kedatangan Ramadan.

Antara amalan tersebut ialah Dialog Adat dan upacara Balimau Kasai Potang Mogang.

Ketua Jabatan Pelancongan, Belia dan Sukan Daerah Pelalawan, Zulkifli MSi berkata, amalan tradisi itu masih diamalkan oleh penduduk di Kampung Langgam, Kerinci.

“Dialog Adat diadakan untuk mempertemukan penduduk dengan wakil pemerintah bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat setempat dalam tempoh setahun.

“Ia diadakan setiap tahun menjelang Ramadan di Balai Adat Kepenghuluhan Kampung Langgam dan dihadiri oleh ketua masyarakat, ketua adat dan penduduk kampung,” katanya.

Kampung yang terletak kira-kira 35 kilometer dari pusat pentadbiran daerah berkenaan di Pangkalan Kerinci pernah menjadi pusat pemerintahan negeri kesultanan Pelalawan.

Zulkifli berkata, Sultan H.T. Kamaruddin Haroen adalah keturunan raja yang masih ada di Langgam dan baginda sangat dihormati oleh penduduk walaupun tidak lagi mempunyai kuasa selepas Indonesia menjadi negara republik.



“Segala masalah berkaitan penduduk akan disampaikan kepada pengetahuan sultan yang sangat dihormati oleh penduduk kampung,” katanya yang membawa mahasiswa UTM menyaksikan adat berkenaan.

Mahasiswa UTM berada di daerah berkenaan untuk membuat kajian mengenai kesan sosial, ekonomi dan budaya terhadap projek pembinaan terowong dan jambatan dari Kukup di Johor ke Kepulauan Riau.

Dalam pada itu, upacara adat Balimau Kasai Potang Mogang pula adalah acara mandi berlimau di tepi sungai yang diadakan pada siang hari selepas Dialog Adat dijalankan.

“Upacara mandi ini menggunakan limau nipis dan dicampur bau-bauan bagi menyucikan diri untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan.

“Adat ini adalah simbolik bagi membersihkan diri dari pelbagai perkara tidak baik seperti hasad dengki. Ia turut diadakan di beberapa daerah lain di Sumatera,” katanya.

Zulkifli menambah, setiap tahun upacara itu diadakan di Balai Anjungan Ranah Tanjung Bunga Langgam dan dihadiri oleh Sultan Kamaruddin, Ketua Umum Lembaga Adat Melayu Riau, Majlis Kerapatan Adat, Lembaga Adat Riau, Ketua Umum Lembaga Adat Melayu Pelalawan dan Majlis Kerapatan Adat Lembaga Adat Pelalawan.

Pelajar tahun dua Fakulti Sains, UTM, Tharishinny Raja Mogan berkata, pengalaman menyaksikan Dialog Adat dan Balimau Kasai Potang Mogang sememangnya sesuatu yang tidak boleh dilupakannya.

Katanya, upacara Balimau Kasai Potang Mogang disertai kira-kira 20 buah kampung.

“Acara pertama yang dijalankan ketika sambutan itu ialah menaikkan bendera di hadapan sultan sebelum upacara mandi berlimau dan perarakan bot berhias di sungai.

“Sekiranya bendera yang dinaikkan tidak tinggi, kampung terbabit dikatakan bermasalah dan mereka yang berkenaan akan dihadapkan ke hadapan sultan,” katanya.

Bagaimanapun, Tharishinny tidak dapat melupakan reaksi masyarakat tempatan apabila mengetahuinya daripada kaum India.

“Penduduk di sana sangat teruja ketika berjumpa saya kerana mereka tidak pernah melihat orang India. Mereka hanya mengetahui tentang orang India menerusi filem Bollywood.

“Saya tersentuh apabila seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun tidak mahu melepaskan genggamannya ketika saya mahu pulang.

“Dia juga sangat berminat untuk mempelajari bahasa Tamil dan saya sempat mengajarnya dua ayat,” katanya.



Sementara itu, Nurdiana Nordin berkata, beliau kagum melihat masyarakat di Langgam mengekalkan adat yang diwarisi sejak turun-temurun yang sangat menarik dan mempunyai makna yang mendalam.

“Antara acara yang menarik ialah perarakan bot berhias dari pelbagai kampung dan jabatan kerajaan.

“Mereka masih mengekalkan acara berkenaan yang dilihat dapat menyatukan penduduk dan mengeratkan hubungan antara masyarakat dari pelbagai kampung,” katanya.